

09 MAY 1996

Razaleigh-Reaksi (Sabah)

SABAH SAMBUT BAIK KEMASUKAN KU LI DALAM UMNO

KOTA KINABALU, 9 Mei (Bernama) -- Umno Sabah menyambut baik tindakan Tengku Razaleigh Hamzah memasuki semula Umno dan menyifatkannya sebagai satu petanda baik kepada perpaduan Melayu.

Ketua Menteri, Datuk Salleh Said Keruak, yang juga Ketua Perhubungan Umno Sabah, yakin langkah Presiden Parti Semangat 46 itu akan dapat sedikit-sebanyak membantu memperkukuhkan Umno.

"Seperti yang dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Umno memang terbuka untuk sesiapa sahaja daripada rumpun Melayu untuk menyertainya," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir malam tadi yang mengesahkan Tengku Razaleigh akan menyertai semula Umno.

Katanya perpaduan Melayu amat penting terutama dalam usaha untuk menghadapi cabaran masa depan dalam memasuki era kecemerlangan abad akan datang.

Umno di bawah kepimpinan Dr Mahathir dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim terbukti menjadi tonggak kepada negara ini untuk terus melancar agenda besar pembangunan bagi menyaingi negara-negara maju.

Ketua Penerangan Umno Sabah, Datuk Haji Abdul Karim Ghani berkata Umno Sabah menyifatkan langkah Tengku Razaleigh sebagai satu perkembangan yang amat menggalakkan.

"Tentu lebih baik lagi kalau semua anggota sebuah lagi parti Melayu, PAS, yang dulu berasal daripada Umno, mengikut jejak Tengku Razaleigh, agar perpaduan Melayu dapat diperkukuhkan lagi," katanya.

Beliau berkata inilah masanya yang sesuai untuk semua orang Melayu dan bumiputera lain yang layak, menyertai Umno demi kemajuan masa depan negara ini.

-- BERNAMA

OPP NMO